

MEMPERKASAKAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN (SPP)

Tahniah kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang telah berjaya mengadakan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan pada 22 hingga 24 Jun 2010 bertempat di PICC Putrajaya. Secara tidak langsung ianya telah mendedahkan kepada peserta fungsi, objektif peranan SPP yang sekian lama kurang jelas diketahui dan difahami oleh rakyat khususnya dan warga pendidik di negara ini.

Persidangan ini boleh dianggap berjaya apabila berjaya mengumpul sebahagian besar pengurusan tertinggi KPM dan KPTM berserta mantan pengurusan KPM serta wakil dari beberapa Kesatuan Guru yang bertujuan memperjelaskan lagi peranan SPP serta memberi peluang kepada peserta mengenengahkan isu-isu yang masih memerlukan perhatian SPP serta KPM dan KPTM.

Ada beberapa isu yang memerlukan perhatian segera bagi memperkasakan lagi SPP ini antara cadangan yang harus difikirkan bersama iaitu.

1. memperluaskan fungsi SPP supaya semua urusan permohonan menjadi guru, perlantikan, pengesahan jawatan, kenaikan pangkat, rayuan kenaikan pangkat, persaraan dan tindakan tatatertib diberi kuasa sepenuhnya kepada SPP. Ini terkandung mengikut perlembagaan persekutuan perkara 144(5B)(1). Semua tugas-tugas di atas hendaklah dilaksanakan dibawah SPP supaya memudahkan Warga KPM dan KPTM berurusan dan membuat rujukan.
2. kakitangan sepenuh masa juga perlu ditambah dengan memberi peluang lebih ramai pegawai di kalangan DG dan DH serta DS menganggotai suruhanjaya ini.
3. SPP juga perlu diberi kebebasan sepenuhnya dalam menyelesaikan masalah guru yang timbul sepanjang tempoh perkhidmatan dan menjadi tempat pakar rujuk berkaitan hal-hal pendidikan memandangkan ahli SPP terdiri dari mantan pegawai perkhidmatan yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pendidikan.
4. Perlantikan Ahli SPP boleh juga dikalangan mantan PTD serta pengamal undang-undang supaya isu berbangkit berkaitan perkhidmatan pendidikan mudah diselesaikan, walau bagaimanapun jumlah mereka yang dilantik tidak melebihi mantan pegawai perkhidmatan pendidikan.

Berkaitan dengan isu perkhidmatan pendidikan yang perlu diberi perhatian dan diselesaikan segera antaranya;

1. Kaedah pengambilan calon guru hendaklah dikaji dan dipelbagaikan. KGMMB bersetuju dengan kaedah yang ada sekarang dengan ditambah lagi pengambilan dibuat melalui saluran kedua iaitu Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) yang telah berkhidmat lebih satu tahun diberi peluang dan ditemuduga untuk dipilih mengikuti latihan di IPG untuk diserap sebagai Guru Sandaran Terlatih (GST). KGMMB berpandangan ada dikalangan mereka sangat layak untuk dipilih menjadi guru berdasarkan komitmen dan minat sepanjang tempoh menjadi GSTT. Mereka ini mungkin perlu diberi Kursus Dalam Cuti (KBC) untuk melengkapkan diri sebelum menjadi guru.

2. KGMMB bersetuju cadangan YAB TPM merangkap Menteri Pelajaran supaya Skim PPP perlu kepada penjemajaan semula dengan mengambil kira laluan kerjaya yang lebih menarik bagi calon guru telah menamatkan Latihan Perguruan di Universiti Tempatan (Diploma Pendidikan) dan mengikuti Latihan Perguruan di Institut Perguruan Malaysia (IPGM) di lantik terus ke jawatan tetap Pegawai perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS)(DG41) tidak seperti amalan sekarang terlebih dahulu dilantik sebagai Guru Sandaran Terlatih (GST) (DC41). Kaedah ini terlalu banyak birokerasi dan memperlihatkan proses menjadi guru itu penuh berliku. Proses yang panjang sebelum seseorang itu menjadi guru menyebabkan profesion perguruan ini tidak menarik sedangkan profesion yang dianggap lebih profesional seperti doktor, peguam tidak sedemikian. KPM harus mencontohi KPTM dalam proses melantik calon guru ke jawatan tetap dimana setelah calon pensyarah tamat latihan mereka akan terus dilantik ke jawatan tetap.
3. Bagi pegawai perkhidmatan pendidikan yang menyambung pengajian mereka dan dilantik semula ke Gred jawatan baru seharusnya tidak perlu temuduga dan terus dilantik ke jawatan tetap kerana ianya telah berada di dalam sistem pendidikan yang sedia, hanya berlaku disini perubahan gred jawatan sedangkan mereka masih kekal dengan tugas hakiki.
4. Laluan kerjaya guru juga harus dikaji dan dibuat perubahan kerana laluan kerjaya yang ada sekarang terlalu banyak sehingga melebihi 20 skim. Adalah dicadangkan diwujudkan satu skim bersepadu laluan kerjaya guru sebagaimana laluan kerjaya skim perkhidmatan tentera, polis dan pegawai perubatan.
5. SPP perlu juga memainkan peranan yang lebih berkesan bagi menyedarkan Ketua Jabatan supaya lebih peka untuk mempercepatkan urusan perkhidmatan dan tatatertib bagi menjamin standard dan kebajikan guru terpelihara.
6. SPP hendaklah menjadi badan penyelarass bagi memilih calon perguruan yang akan mengikuti kursus perguruan di IPTA dan IPGM supaya perkara mismatch di peringkat pemilihan, latihan dan penempatan. Ini disebabkan opsyen yang ditawarkan tidak selaras dengan ijazah yang dimiliki oleh calon. Ini amat merugikan negara dari segi penggunaan modal insan berasaskan kelayakan dan kebolehan calon yang terpilih mengikuti kursus perguruan.
7. Semua Instisusi yang melatih guru harus diperkasakan dengan membuka ruang yang lebih sebagai tempat memberi latihan kepada warga pendidik yang sedang dalam perkhidmatan sebagai tempat latihan dalam perkhidmatan terutama UPSI dan IPGM.

Besarlaha harapan KGMMB selepas persidangan ini akan berlaku Anjakan Paradigma dan menyedarkan masyarakat pendidikan tentang peranan yang boleh dimainkan oleh SPP. Kita berharap juga YAB Timbalan Perdana Menteri akan dapat menstruktur kembali SPP supaya ianya lebih perkasa dan menonjol peranannya dikacamatan warga pendidik.

Dsediakan oleh;

Haji Mohamed Sabri bin Mohd Arsad

Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB)